

EB02930002

20 Ogos 2018

Kepada Pihak Berkepentingan,

Tuan/Puan,

**Undangan untuk memberi komen terhadap pensijilan awal RSPO ke atas Boustead Plantations Berhad – Segamaha Business Unit**

Boustead Plantations Berhad (BPB) memohon kepada SIRIM QAS International Sdn. Bhd. untuk mendapatkan pensijilan Rundingan Meja Bulat Minyak Sawit Mampan (National Interpretation of RSPO Principles and Criteria for Sustainable Palm Oil Production).

RSPO merupakan organisasi yang ditubuhkan pada 2004 dan bermatlamat untuk menggalakkan pengeluaran minyak sawit mampan serta penggunaannya. Pensijilan RSPO memberi pengiktirafan kepada pengeluar minyak sawit bahawa mereka telah mengeluarkan minyak sawit mampan yang merangkumi:

- Pelaksanaan amalan pertanian baik
- Kepatuhan pada perundangan
- Bertanggungjawab ke atas pemeliharaan sumber semulajadi, kepelbagaian bio dan alam sekitar
- Bertanggungjawab kepada pekerja, individu dan masyarakat yang menerima kesan daripada operasi perladangan dan pengilangan minyak sawit
- Penambahbaikan berterusan

Di dalam memastikan bahawa organisasi menepati kehendak di atas, SIRIM QAS International Sdn. Bhd. ingin menjemput pihak tuan/puan untuk memberi maklumbalas bagi penilaian yang akan dijalankan ke atas Boustead Plantations Berhad - Segamaha Business Unit.

Berikut adalah maklumat mengenai Boustead Plantations Berhad dan SIRIM QAS International Sdn. Bhd.:

Boustead Plantations Berhad (No. Keahlian : 1-0012-04-000-00/ No. ID RSPO: RSPO\_PO1000003737) memiliki 44 ladang kelapa sawit dan 9 buah kilang di Malaysia. Pada masa ini, Boustead Plantations Berhad menyelia ladang adalah 94,580 hektar tanah Pertanian, di mana 77,652 hektar di tanam dengan kelapa sawit. Boustead Plantations Berhad juga membeli buah tandan segar dari pekebun kecil sekitarnya. Selain dari operasi kilang dan ladang, Boustead Plantations Berhad juga terlibat dalam industri penanaman dan pemprosesan kelapa sawit.

SIRIM QAS International Sdn. Bhd. merupakan badan pensijilan, pengujian dan pemeriksaan utama di Malaysia. SIRIM QAS International Sdn. Bhd. menyediakan perkhidmatannya mengikut kehendak standard yang diterimapakai di peringkat antarabangsa. SIRIM QAS International mempunyai pengalaman luas di dalam pensijilan sistem pengurusan kualiti, alam sekitar dan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di sektor perladangan dari pengilangan kelapa sawit hingga industri hilirannya.



ISO/IEC 17021-1:2015 QS 02121999 CB 01  
ISO/IEC 17021-1:2015 EMS 17122002 CB 02  
ISO/IEC 17065:2012 PC 05102004 CB 01  
ISO/IEC 17021-1:2015 OSH 06122005 CB 01  
ISO/IEC 17021-1:2015 HACCP 05052008 CB 03  
ISO/TS 22003:2013 FSMS 23122008 CB 01  
MS ISO/IEC 17021:2011 FMC 10122009 CB 02  
MS ISO/IEC 27005:2011 ISMS 17022011 CB 01  
ISO/IEC 17021-1:2015 EMS 03012014 CB 01  
ISO/IEC 17021-1:2015 MDOMS 30092015 CB 04  
ISO/IEC 17021-1:2015 GMP 09102015 CB 04  
ISO/IEC 17021-1:2015 MSPO 25072017 CB 05  
ISO/IEC 17024:2012 PS 09032017 CB 03

MS ISO/IEC 17025  
CALIBRATION /TESTING  
SAMM NO.085 SAMM NO.086  
SAMM NO.087 SAMM NO.219  
SAMM NO.735 SAMM NO.240  
SAMM NO.734 SAMM NO.377

MS ISO/IEC 17020  
MIBAS NO. 003

074

Halaman 1 dari 6

SIRIM QAS International Sdn. Bhd merancang untuk menjalankan penilaian Boustead Plantations Berhad - Segamaha Business Unit bermula dari 1 Oktober 2018 sehingga 4 Oktober 2018. Standard RSPO Principle & Criteria MYNI, 2014 dan Standard RSPO Supply Chain 2014 (Revised June 2017) adalah standard yang akan digunakan dalam penilaian ini. Boustead Plantations Berhad - Segamaha Business Unit terletak di Lahad Datu, Sabah, Malaysia. Butir-butir unit pensijilan boleh dirujuk di **Lampiran 1**.

SIRIM QAS International Sdn. Bhd telah melantik :

Pasukan Juruaudit	Peranan / Elemen yang di perlukan	Kelayakan dan Pengalaman
Mohd Ab Raouf Asis	Ketua Juruaudit/ Good Agriculture Practices (GAP)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengalaman lebih 7 tahun bekerja dalam Ladang Kelapa Sawit</li> <li>• Berjaya menamatkan kursus Ketua Juruaudit untuk RSPO</li> <li>• Berjaya menamatkan Kursus Ketua Juruaudit untuk QMS</li> <li>• Berjaya menamatkan Kursus Ketua Juruaudit untuk OHSAS</li> <li>• Memiliki Ijazah (kepujian) Teknologi Pengurusan (Pengeluaran dan Operasi) - University Tun Hussein Onn Malaysia</li> </ul>
Mohd Zufakar Kamaruzaman	Juruaudit / HCV dan Isu Social	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengalaman lebih 5 tahun bekerja dalam Ladang Kelapa Sawit.</li> <li>• Berjaya menamatkan Kursus Ketua Juruaudit untuk RSPO.</li> <li>• Berjaya menamatkan Kursus Ketua Juruaudit untuk QMS.</li> <li>• Berjaya menamatkan Kursus Ketua Juruaudit untuk EMS.</li> <li>• Berjaya menamatkan Kursus Ketua Juruaudit untuk OHSAS.</li> <li>• Memiliki Ijazah (kepujian) Sains Perhutanan – Universiti Putra Malaysia</li> <li>• Berjaya menamatkan kursus "RSPO-endorsed RSPO Supply Chain Certification 2016</li> </ul>
Ruzita Abd Gani	Juruaudit/ Isu Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan & Isu Alam Sekitar	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengalaman selama lima setengah tahun dalam pengilangan minyak sawit.</li> <li>• Menduduki dan lulus 'RSPO Lead Assessor Course - 2008'</li> <li>• Menduduki dan lulus 'RSPO Lead Assessor Course RSPO Supply Chain'</li> <li>• Menduduki ISO 14001 EMS EARA dan diiktiraf sebagai Ketua Penilai - 2002 .</li> <li>• Menduduki dan lulus IRCA dan diiktiraf sebagai Ketua Penilai untuk ISO 9001: 2004.</li> <li>• Menduduki dan lulus OHSAS 18001 OHSMS IRCA diiktiraf sebagai Ketua Penilai</li> <li>• Juruaudit Alam Sekitar yang berdaftar dengan Jabatan Alam Sekitar ( JAS) - 2010 .</li> <li>• Memiliki Ijazah (Kepujian) Kejuruteraan Kimia</li> </ul>
Rozaimée Ab Rahman	Juruaudit/ Isu Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan & Isu Alam Sekitar	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengalaman selama lebih 5 tahun berkaitan dengan kelapa sawit</li> <li>• Berjaya menamatkan kursus Ketua Juruaudit untuk RSPO</li> <li>• Berjaya menamatkan Kursus Ketua Juruaudit untuk EMS</li> <li>• Berjaya menamatkan Kursus Ketua Juruaudit</li> </ul>

		<p>untuk OHSAS</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Berkhidmat sebagai pembantu pengurus ladang :</li> <li>i) IOI Plantation Sdn Bhd (2012-2015)</li> <li>ii) Yayasan Pahang Plantation (2015-2016)</li> <li>• Memiliki Ijazah (kepujian) sains Pertanian - Universiti Putra Malaysia</li> <li>• Memiliki Diploma Perikanan - Universiti Putra Malaysia</li> </ul>
Suzalina Kamaralarifin	Juruaudit / Supply Chain	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengalaman bekerja selama 2 tahun berkaitan dengan Oleokimia</li> <li>• 5 tahun pengalaman kerja berkaitan dengan kilang kelapa sawit dan 1 tahun pengalaman berkaitan dengan penapisan minyak kelapa sawit</li> <li>• Menduduki dan lulus 'RSPO Lead Assessor Course RSPO Supply Chain - David Ogg'</li> <li>• Menduduki dan lulus kursus Lead Auditor untuk Sistem Pengurusan Bersepadu (IMS) ISO 90001, ISO 14001 &amp; ISO 45001</li> <li>• B.Sc. Kimia Perindustrian (Kepujian) - Universiti Teknologi Malaysia</li> </ul>

Berhubung dengan penilaian yang akan datang, SIRIM QAS International Sdn. Bhd. mengalukan maklumbalas daripada tuan/puan berkaitan dengan :

- Perlindungan alam sekitar
- Pemeliharaan kepelbagaian bio
- Peluang pekerjaan
- Penyediaan keperluan perumahan, sanitasi, kemudahan awam dan pendidikan
- Pendekatan syarikat terhadap pembangunan masyarakat
- Penyertaan dalam proses membuat keputusan
- Lain-lain hal berkaitan penilaian, penilai dan syarikat / kilang / estet yang akan di nilai

Maklumbalas tuan/puan hendaklah di hantar kepada :

**Radziah Mohd Daud**

Ketua Seksyen Makanan, Pertanian dan Perhutanan

SIRIM QAS International Sdn. Bhd.  
Tingkat 1, Blok 4, Kompleks SIRIM Berhad,

No. 1, Persiaran Dato' Menteri,  
40700 Shah Alam,  
Selangor,  
Malaysia.

Telefon : +603 5544 6448

Faks : +603 5544 6763

Email : [radziah@sirim.my](mailto:radziah@sirim.my)

atau **Anuar Semail**

Planting Director / Sustainability Certification  
Chairman

Boustead Plantations Berhad.,  
11th Floor, Menara Boustead,

69 Jalan Raja Chulan,  
50200 Kuala Lumpur,  
Malaysia.


Telefon : +603 2145 2121

Faks : +603 2141 0693

Email : [anuar.bea@boustead.com.my](mailto:anuar.bea@boustead.com.my)

Pihak SIRIM QAS International mengucapkan terima kasih keatas segala maklumbalas yang telah di berikan.

Yang Benar,



**(NOR AFIZA BINTI SAIM)**  
Pengurus Besar Kanan  
Jabatan Pensijilan Sistem Pengurusan  
SIRIM QAS International Sdn. Bhd.

LAMPIRAN

Lampiran 1

Boustead Plantations Berhad - Segamaha Business Unit

**KILANG SAWIT YANG TERMASUK DALAM PENILAIAN UTAMA**

Nama Kilang	Kapasiti Kilang (MT/Jam)	Lokasi	Koordinat GPS		Hasil Pengeluaran Tahunan (MT)	
		Alamat	Longitud	Latitud	CPO	Palm Kernel
Kilang Sawit Segamaha	60	P.O Box No. 60856, 91117 Lahad Datu, Sabah	117.809703	5.209068	41,516	8,737
<b>LADANG-LADANG YANG TERMASUK DALAM PENILAIAN UTAMA</b>						
Nama Ladang	Lokasi	Koordinat GPS		Ringkasan Kawasan (Ha)		Purata Pengeluaran Tahunan (MT)
	Alamat	Longitud	Latitud	Jumlah	Jumlah Ditanam	
Bukit Segamaha	Ladang Bukit Segamaha, KM 52 Lahad Datu – Sandakan Highway, Off Road 32 KM Sungai Pin	117.759832	5.210778	2,415.1	1306.7	17,600
Sungai Segamaha	Ladang Sungai Segamaha, KM 52 Lahad Datu – Sandakan Highway, Off Road 32 KM Sungai Pin	117.8062	5.2036	3,244.5	2330.7	45,300

G&G	Ladang G&G, KM 52 Lahad Datu – Sandakan Highway, Off Road 32 KM Sungai Pin	117.7446	5.1247	2,409.8	2274.6	48,900
Total						
				8069.4	5912.0	111,800